

15 DEC 1998

PEGUAM DIMINTA KURANGKAN YURAN GUAMAN JUAL BELI RUMAH

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Majlis Peguam sedang mengkaji sama ada peguam-peguam boleh mengurangkan yuran guaman yang dikenakan dalam urusan jualan beli rumah semasa Kempen Memiliki Rumah selama sebulan.

Presiden Majlis Peguam Datuk Dr Cyrus V. Das hari ini berkata ini akan menyumbangkan kepada kejayaan kempen itu.

Majlis peguam bersama Bank Negara pada dasarnya telah bersetuju untuk mengurangkan kadar bayaran yang boleh dikenakan, kata beliau dalam satu kenyataan.

Sabtu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kempen itu bagi memberi peluang kepada orang ramai memiliki rumah dengan para pemaaju menawarkan pelbagai keistimewaan termasuk potongan harga sebanyak 10 peratus. Kempen itu akan berakhir pada 12 Jan depan.

Das berkata, pengurangan kadar itu bagaimanapun tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Kos Peguam yang dilantik oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan Tun Eusoff Chin di bawah Akta Profesion Perundangan 1976.

Beliau berkata, Eusoff telah bersetuju untuk merujuk kadar bayaran yang dikaji semula kepada jawatankuasa itu untuk keputusan secepat mungkin.

Majlis peguam akan memaklumkan kepada semua peguam akan kadar yang dikaji semula itu yang boleh digunakan sepanjang kempen itu.

-- BERNAMA

ARA PR